

MAHATHIR - TEMUBUAL

(I)

1983

KUALA LUMPUR; 16 DIS (BERNAMA) -- PEMBERITA BERNAMA IDZAN ISMAIL HARI INI SEMPAT MENEBUAL DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGENAI PENANDATANGANAN PINDAAN PERLEMBAGAAN KETIKA BERSAMA-SAMA PERDANA MENTERI DALAM JET EKSEKUTIF SEMASA DALAM PENERBANGAN PULANG KE LUALA LUMPUR SETELAH MENGADAKAN LAWATAN RINGKAS KE TERENGGANU. BERIKUT IALAH SEDUTAN TEMUBUAL TERSEBUT:

B: TAHNIAH DATUK. RAKYAT SEMUA GEMBIRA DAN SAYA RASA TENTU DATUK JUGA GEMBIRA.

PM: TERIMA KASIH. (SENYUM). LEBIH-LEBIH LAGI KEPADA RAKYAT SEMUA.

B: SELAKU ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN PERLEMBAGAAN ITU, APAKAH REAKSI DATUK KETIKA MENDAPAT TAHU DARI ISTANA (MENGENAI PENANDATANGANANNYA SEMALAM)?

PM: SAYA BERASA LEGA, ITU SAHAJA.

B: BILA DATUK MENDAPAT TAHU MENGENAINYA?

PM: PADA PUKUL 1 TENGAH HARI SEMALAM.

B: SIAPA PADA PANDANGAN DATUK YANG BERTANGGUNGJAWAB BERJAYA MENDAPATKAN PERKENAN DIRAJA ITU?

PM: SEMUA ORANG TERMASUK RAKYAT.

-- LAGI 1808/II

MAHATHIR - TEMUBUAL 2 KUALA LUMPUR

B: BERBALIK KEPADA DATUK, APAKAH ERTINYA SEMUA INI KEPADA DATUK, SETELAH DATUK MENYATAKAN BAHAWA PERASAAN DATUK AGAK LEGA?

PM: PERTAMA-TAMA SAYA BERASA LEGA KERANA SEKIRANYA PERKARA INI BERLANJUTAN DAN DALAM PADA ITU BANYAK PERKARA DIKATA DAN DILAKUKAN YANG AKIBATNYA TIDAK DAPAT DIPERBETULKAN.

B: TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG BERTITAH DALAM SATU KENYATAAN MENGATAKAN BAHAWA DATUK TELAH BERJANJI AKAN MEMINDA BEBERAPA PERUNTUKAN KONTROVERSIAL DALAM RANG UNDANG-UNDANG ITU?

PM: BEGITULAH SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM KENYATAAN DARI ISTANA.

B: KENYATAAN ITU TIDAK JELAS.

PM: APA YANG TELAH SAYA LAKUKAN IALAH MENULIS DALAM BAHASA ORANG-ORANG BIASA TENTANG CARA MENYELESAIKAN MASALAH ITU, DARI SEGI MEMPERKUATKAN PINDAAN-PINDAAN ITU DAN OLEH KERANA RAJA-RAJA MAHUKAN SATU PERJANJIAN BAHAWA INI AKAN DILAKUKAN SAYA TELAH MEMBERIKAN JANJI BERTULIS. KITA AKAN LAKUKAN APA YANG TELAH KITA JANJIKAN.

B: BUAT MASA INI, PINDAAN-PINDAAN YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN ITU TELAH PUN DIWARTAKAN?

PM: YA, TELAH DIWARTAKAN DAN SUDAH PUN BERKUATKUASA.

MAHATHIR - TEMUBUAL 3 KUALA LUMPUR

B: KETIKA RAJA MUDA PERAK MENEMUI DATUK UNTUK MENGEMUKAKAN CADANGAN-CADANGAN BALAS, DATUK KATAKAN KERAJAAN TELAH MEMBERIKAN PANDANGANNYA UNTUK DISAMPAIKAN KEPADA RAJA-RAJA. BOLEHKAH DATUK CERITAKAN PERKARA-PERKARA YANG MEMBAWA KEPADA PERKENAN DIRAJA ITU DIPEROLEHI SEMALAM?

PM: KITA TELAH MEMBERIKAN CADANGAN BERTULIS DAN RAJA-RAJA TELAH MENGAJAI CADANGAN ITU DAN MEMBUAT BEBERAPA CADANGAN BALAS. KITA TELAH MENYATAKAN PANDANGAN KITA MENGENAI CADANGAN-CADANGAN BALAS ITU SEPERTI YANG DIKETAHUI, AKHIRNYA RAJA-RAJA MENERIMA CADANGAN-CADANGAN BERTULIS YANG TELAH KITA BUAT, ITU SAHAJA. TIDAK ADA PERUBAHAN KEPADA CADANGAN-CADANGAN ITU.

B: CADANGAN-CADANGAN YANG DATUK BUAT DALAM SURAT KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG PADA 9 DISEMBER?

PM: YA.

B: JAUHKAN BEZANYA DENGAN CADANGAN ASAL?

PM: DARI SEGI KANDUNGANNYA SAMA SEPERTI JANJI KITA SEPERTI YANG DIKEMUKAKAN OLEH ENCIK GHAFAR (KEPADA PESTEMUAN ANTARA UMNO DENGAN RAJA-RAJA DI BUKIT KAYANGAN, SHAH ALAM PADA 20 NOV).

-- LAGI 1835/II

MAHATHIR - TEMUBUAL 4 KUALA LUMPUR

- B: KENYATAAN OLEH TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG MENYATAKAN BAHAWA PENGUATKUASAAN RANG UNDANG-UNDANG ITU TERTAKLUK KEPADA JANJI YANG KEMUDIANNYA DILAKSANAKAN, AKAN MENYEDIAKAN SATU PENYELESAIAN YANG MEMUASKAN BAGI KESULITAN YANG ADA SEKARANG. ANTARA SEKARANG DENGAN BULAN JANUARI MUNGKINKAH DIADAKAN RUNDINGAN SELANJUTNYA?
- PM: TIDAK. TIDAK ADA RUNDINGAN LAGI.
- B: BAGI DATUK PERKARA INI ADALAH MUKTAMAD.
- PM: YA, BUKAN SAHAJA BAGI SAYA TETAPI PENDIRIAN RAJA-RAJA MENGENAI PERKARA INI JUGA MUKTAMAD. BAGAIMA KESEMUA TELAH MENANDATANGANNYA. KITA TELAH BERJANJI AKAN MEMINDA PINDAAN-PINDAAN SELARAS DENGAN PERKARA-PERKARA YANG TELAH SAYA GARISKAN. JADI TIDAK ADA RUNDINGAN LAGI.
- B: PINDAAN YANG AKAN DATANG INI AKAN DIBENTANGKAN KEPADA PARLIMEN IALAH UNTUK MENEGAKKAN DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN?
- PM: BETUL.
- B: SEKIRANYA DALAM MASA SEBULAN YANG AKAN DATANG INI, MEREKA (RAJA-RAJA) MASIH TIDAK BERSETUJU?
- PM: MEREKA TELAH PUN BERSETUJU, JADI SOAL TIDAK BERSETUJU TIDAK TIMBUL.

MAHATHIR - TEMUBUAL 5 KUALA LUMPUR

- B: DI PELABUHAN KELANG DATUK MENYATAKAN BAHAWA DATUK MENGHADAPI MASALAH KERANA BUAT MASA INI TIDAK ADA PEMBAHAGIAN KUASA YANG JELAS. ADAKAH PERKARA INI TELAH SELESAI SEKARANG?
- PM: INI AKAN DISELESAIKAN, SEKARANG INI TELAH JELAS. MALAH SETELAH PINDAAN DIBUAT KEPADA PINDAAN-PINDAAN ITU, KEKABURAN ITU TIDAK AKAN ADA LAGI.
- B: ADAKAH JAMINAN INI SECARA BERTULIS ATAU LISAN?
- PM: SOALNYA KEKABURAN ITU TIDAK AKAN ADA LAGI.
- B: MENGENAI MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO ESOK, ADAKAH DATUK AKAN MENETAPKAN TARIKH BILAKAH SIDANG KHAS PARLIMEN DIADAKAN?
- PM: KITA AKAN MENETAPKAN TARIKH BILA DEWAN AKAN BERSIDANG.
- B: ADAKAH DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA AKAN BERSIDANG SERENTAK?
- PM: KITA AKAN MENETAPKANNYA ESOK. SAYA JUGA AKAN MEMBERITAHU ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO TENTANG KEPUTUSAN SEKARANG. MESYUARAT ITU DIPANGGIL UNTUK MEMBERITAHU MAJLIS TERTINGGI TENTANG SEBARANG KEPUTUSAN YANG TELAH DICAPAI SEHINGGA MAJLIS TERTINGGI BERSIDANG.
- B: BERBALIK KEPADA SIDANG KHAS PARLIMEN DATUK, ADAKAH IA AKAN DIADAKAN SEBELUM DATUK BERLEPAS KE AMERIKA SYARIKAT AWAL TAHUN DEPAN.
- PM: YA, ADA BANYAK MASA.

- B: BUAT SEMENTARA WAKTU INI, ADAKAH DATUK AKAN KE SANA SINI UNTUK MENERANGKAN KEPADA RAKYAT.
- PM: UMNO DAN BARISAN NASIONAL TERPAKSA MENERANGKAN KEPADA RAKYAT. PADA MASA YANG SESUAI PULA SAYA AKAN MEMANGGIL SATU MESYUARAT BARISAN NASIONAL DAN MENERANGKAN KEPADA MEREKA. SAYA BELUM PUN MEMUTUSKAN BILA HENDAK MENGADAKAN MESYUARAT ITU.
- B: SOALNYA MESYUARAT ITU AKAN DIADAKAN.
- PM: YA, KITA TERPAKSA MENGADAKAN MESYUARAT. BUKANLAH BERERTI MEREKA BELUM DIBERITAHU LAGI. PARA PEMIMPIN MEREKA TELAH DIBERITAHU, DAN MEREKA SEDAR. TETAPI SATU MESYUARAT RASMI BARISAN NASIONAL BELUM LAGI DIADAKAN.
- B: SETENGAH-SETENGAH ORANG MENDAKWA MEREKA MEMAINKAN PERANAN MENYELESAIKAN MASALAH ITU. BOLEHKAH DATUK MENYATAKAN KEADAAN YANG SEBENARNYA?
- PM: MEREKA BOLEH DAKWA APA SAHAJA. SIAPA PUN BOLEH BUAT DAKWAAN. TETAPI SAYA RASA ANDA LEBIH TAHU. BEGITU JUGA DENGAN RAKYAT. ANDA TELAH MENGIKUTI PERKARA INI BEGITU TELITI.
- B: DENGAN SELESAINYA PERKARA INI, APAKAH PERUTUSAN DATUK KEPADA RAKYAT?
- PM: MEREKA MESTILAH SENTIASA TENANG. MEREKA SEHARUSNYA BERSYUKUR KEPADA ALLAH MEMANDANGKAN MASALAH INI TELAH SELESAI. SEPERTI YANG SAYA KATAKAN DULU, MASALAH INI AKAN DISELESAIKAN DENGAN CARA KITA YANG BIASA, SEPERTI YANG ANDA LIHAT. -- LAGI 1940/II

MAHATHIR - TEMUBUAL 6 KUALA LUMPUR

B: SEPANJANG YANG SAYA INGAT, INILAH KALI PERTAMA SESUATU PINDAAN DIBUAT KEPADA PINDAAN DAN DIBENTANGKAN SEMULA KE PARLIMEN.  
PM: TIDAK. TIDAK. RANG UNDANG-UNDANG ITU TIDAK DIBAWA KE PARLIMEN SEKALI LAGI. RANG UNDANG-UNDANG ITU ADALAH UNDANG-UNDANG SEKARANG. SATU RANG UNDANG-UNDANG BARU AKAN DIADAKAN. JANGAN ADA KESILAPAN MENGENAI PERKARA INI. SOAL MEMBAWA BALIK SATU-SATU RANG UNDANG-UNDANG DAN MEMINDA RANG UNDANG-UNDANG ITU TIDAK TIMBUL. SARU RANG UNDANG-UNDANG BARU AKAN DIADAKAN, IAITU PINDAAN KEPADA RANG UNDANG-UNDANG INI. INI BERLAINAN. KITA TIDAK AKAN MEMBAWA BALIK RANG UNDANG-UNDANG ITU KERANA TIDAK ADA PERUNTUKAN DALAM PERLEMBAGAAN UNTUK MEMBAWA BALIK RANG UNDANG-UNDANG KE PARLIMEN JIKA TIDAK DITANDATANGANI. JADI RANG UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MENURUT UNDANG-UNDANG MESTILAH SAH DAN BERKUATKUASA. SEKARANG RANG UNDANG-UNDANG ITU BERKUATKUASA TIDAK ADA APA YANG DAPAT MENGHALANG KERAJAAN MEMBENTANGKAN SATU RANG UNDANG-UNDANG BARU YANG MEMINDA RANG UNDANG-UNDANG LAMA ITU. LAGI PUN, APABILA KITA MEMINDA PERLEMBAGAAN, ITULAH YANG KITA BUAT. JADI PINDAAN ITU SEKARANG MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA PERLEMBAGAAN.

-- LAGI 2030/II

NNNN

ZCZC 8666

MAHATHIR - TEMUBUAL 7 KUALA LUMPUR

SATU RANG UNDANG-UNDANG BARU AKAN DIBENTANGKAN KE PARLIMEN DAN RANG UNDANG-UNDANG ITU AKAN MEMINDA PERLEMBAGAAN, IAITU BAHAGIANNYA YANG DIPINDA BARU-BARU INI. TETAPI ADA 20 PINDAAN LAIN DALAM PERLEMBAGAAN YANG KINI MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA PERLEMBAGAAN ITU. JADI INI BUKANLAH KALI PERTAMA. INI TELAH DILAKUKAN DULU. KITA HANYA MENGIKUT AMALAN YANG TELAH LALU. KITA MENGADAKAN SIDANG KHAS UNTUK MEMBUAT PINDAAN KEPADA PINDAAN PERLEMBAGAAN. SUDAH TENTULAH KITA PERNAH MENGADAKAN SIDANG-

SIDANG KHAS SEBELUM INI, JADI INI BUKAN SATU PERKARA LUARBIASA.

B: SALAH SATU PERUNTUKAN DALAM PINDAAN ITU IALAH PENUBUHAN MAHKAMAH AGUNG. ADAKAH INI BERERTI TIDAK ADA RAYUAN KE MAHKAMAH TINGGI.

PM: TAK, PERUNTUKAN ITU UNTUK ITU SAHAJA. TINDAKAN PENTADBIRAN YANG BIASA TERPAKSA DIAMBIL UNTUK MELAKSANAKAN PERUNTUKAN ITU. BEGITU JUGA DENGAN PERLANTIKAN DUA ORANG TIMBALAN SPEAKER YANG TIDAK AKAN DILAKUKAN SERTA-MERTA. IA AKAN DILAKSANAKAN MENGIKUT MASANYA.

-- BERNAMA 2033/II